

16/11/1997

Amerika suka membuli negara kecil

A Nazri Abdullah

LAPAN tahun lalu masyarakat antarabangsa merayakan keruntuhan tembok Berlin tanpa menyedari bahawa kehancuran empayar Soviet Union bermakna hancurlah demokrasi dunia. Negara-negara kecil termasuk Malaysia tidak mengharapkan sebarang dividen keamanan kerana berakhirnya perang dingin akan melahirkan gergasi dunia yang angkuh dan sombong. Segala kebimbangan ini sudah terbukti. Hegemoni politik dunia hilang keseimbangannya dan Amerika Syarikat (AS) muncul sebagai gangster dunia yang bermaharajalela. Bukan sahaja politik antarabangsa dibayangi pengaruh AS, ekonomi dunia juga diancam huru-hara kerana dunia tanpa sempadan membolehkan gergasi ekonomi menyerang dan memulas tangan negara yang kecil.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) semakin hilang fungsinya kerana AS tidak lagi menghormati resolusinya. Isu Bosnia-Herzegovina, Iraq, Timur Tengah, Libya dan sebagainya tidak akan selesai kerana AS yang mempunyai kuasa veto tidak mahu ia diselesaikan mengikut kehendak antarabangsa. AS bukan lagi polis dunia yang mahu melahirkan dunia yang aman dan adil tetapi bertukar menjadi gangster dunia yang suka membuli dan mencekik leher negara dan pemimpin kecil. Demokrasi dunia sudah berakhir kerana AS mahu memaksa demokrasi dan nilainya ke atas dunia. Negara kecil cuba dipengaruhi, malah ditekan supaya bertuanan AS. Sesiapa yang cuba menyuarkan keadilan yang bertentangan dengan amalan AS, akan menerima padahnya.

Demokrasi membenarkan kita bersuara, mengeluarkan pendapat malah mengkritik apa saja yang wajar. Kita berhak menyuarkan pendapat kita dan AS berhak menyuarkan pendapatnya. Malah kalau kita lihat sidang akhbar di Rumah Putih, setiap hari AS mengeluarkan pendapatnya mengenai negara dan orang lain. AS bukan sekadar keluar pendapat malah mencipta pendapat umum dan dalam beberapa keadaan mencipta fitnah untuk memburuk-burukkan pemimpin dan negara tertentu.

Berdasarkan latar belakang ini maka tidak hairan mengapa 27 anggota Kongres AS begitu berani mencampuri hal ehwal rumah tangga Malaysia. Kita tidak marah kalau mereka sekadar mengkritik pemimpin kita, tetapi kita tidak boleh terima sikap kurang ajar mereka yang meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta maaf secara terbuka atau meletakkan jawatan. Mereka tidak mempunyai hak untuk campur tangan dalam urusan pentadbiran dan politik Malaysia justeru, Kongres AS yang sepatutnya meminta maaf kepada rakyat Malaysia di atas sikap kurang ajar anggotanya.

Kalau AS boleh berniaga di seluruh dunia termasuk di Libya dan Cuba yang diisytiharkan sebagai musuh nombor satu AS, apakah hak AS untuk menyekat Petronas mengadakan urusan niaga dengan Iran. Akta sekatan perniagaan Iran-Libya hanya untuk syarikat dan rakyat AS dan pelaburan Petronas di Iran dibuat berdasarkan undang-undang dan amalan antarabangsa. Apakah kerana Malaysia sebuah negara kecil, ia berhak membulinya? Republik Rakyat China juga sudah lama berdagang dengan Iran, mengapa tidak dihantar pasukan menyasat China? Apakah AS juga akan membuli Perancis dan Russia yang turut melabur di Iran?

Kita sedar dua perkara yang paling sensitif bagi AS ialah soal Iran-Libya dan Palestin-Israel. Kedua-dua isu ini memperlihatkan pengaruh Yahudi di AS. Kita semua tahu Kongres AS dan Rumah Putih sebenarnya didalangi oleh pengaruh kaum Yahudi. Bekas Senator AS, Paul Findley pernah mendedahkan pengaruh Kumpulan lobi Yahudi dalam bukunya They Dare To Speak Out, dan beliau terpaksa mengusung manuskrip bukunya ke merata tempat

sebelum dapat dicetak kerana syarikat penerbitan AS dimonopoli oleh kaum Yahudi. Libya, Iran dan Iraq tidak akan menerima nasib malang seperti hari ini seandainya negara Israel terletak di benua AS. Walaupun seluruh dunia Arab termasuk Arab Saudi yang kini berada di bawah telunjuk AS, bersatu menyerang Israel, mereka tidak akan menang kerana mereka sebenarnya berperang dengan AS.

Kini Malaysia mendapat perhatian istimewa AS kerana kenyataan Perdana Menteri mengenai Yahudi dan pelaburan Petronas di Iran. Walaupun Malaysia tidak memusuhi Yahudi sebagai bangsa, tetapi memusuhi Israel sebagai negara, AS boleh memutar belit pendirian Malaysia bagi mencari alasan untuk mengenakan tekanannya ke atas Malaysia. Apa yang dilakukan oleh anggota Kongres AS ini adalah permulaan kepada agenda yang lebih besar, bukan sahaja terhad kepada Malaysia tetapi benua Asia. AS tidak akan menyerang Malaysia seperti Iraq, tetapi akan menggunakan pengaruhnya dalam media, ekonomi dan politik untuk memalukan Malaysia.

Walaupun kita negara kecil, kita mempunyai maruah dan harga diri. Sebagai negara yang berdaulat, kita berhak mempertahankan kedaulatan kita daripada dicerca oleh Kongres AS. Seluruh rakyat Malaysia mestilah berdiri teguh di belakang kepemimpinan Dr Mahathir dan bekerja dengan lebih kuat dan gigih memperkuatkan ekonomi negara. Kita tidak perlu menyatakan sokongan kita kepada Dr Mahathir dengan mengadakan perhimpunan dan berarak di jalan raya, tetapi menterjemahkan tindakan dan tenaga kita melalui usaha yang lebih gigih, lebih kreatif dan lebih produktif membina negara bangsa Malaysia.

(END)